

NO SOALAN: 105

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[LIBARAN]**

**SOALAN : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[LIBARAN] MINTA MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
Menyatakan keberkesanan penggunaan teknologi solar bagi menjana tenaga elektrik mesra alam bagi membangunkan sistem pertanian moden dalam sistem rumah hijau di seluruh negara, terutama di Sabah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) belum melaksana dan membangunkan projek penggunaan teknologi solar bagi menjana tenaga elektrik mesra alam yang digunakan dalam sistem pertanian moden rumah hijau.

Namun, sejak 2015, MOA melalui Jabatan Pertanian (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) telah bekerjasama dengan syarikat Cypark Resources Berhad, iaitu sebuah syarikat janakuasa tenaga boleh diperbaharui terbesar negara bagi membangunkan Kaedah Pertanian Moden Berintegrasi Tenaga Solar (*AIPV- Agriculture Integrated Photo Voltaic*). Projek ini adalah untuk membangunkan kaedah penanaman sayuran, herba dan melon secara integrasi di bawah struktur solar panel. Kawasan seluas 2 hektar telah dibangunkan di Taman Tenaga Solar di Kampung Wai, Kuala Perlis dengan tanaman rock melon, misai kucing, stevia, terung, petola kacang bendi dan cili.

Di Sabah pula, MOA telah membangunkan Rumah Pengering Solar (*Solar Drying House*) melalui kerjasama MARDI dan DOA

Daerah Semporna di Kg. Chependong, Semporna pada tahun 2014. Teknologi Rumah Pengering Solar tersebut telah dapat mengeringkan rumpai laut sehingga 41% lebih cepat berbanding kaedah pengeringan konvensional. Malahan Rumah Pengering Solar yang bersaiz 3m lebar x 3m panjang x 2m tinggi ini berupaya mengeringkan 100kg rumpai laut bagi setiap sesi pengeringan.

Di samping itu, MOA melalui kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan SIRIM Berhad telah membangunkan teknologi *Solar Thermal Dryer* bagi mengeringkan hasil laut di Pusat Pemrosesan Hasil Perikanan (PPHP) Pangkor, Perak pada tahun 2016. *Solar Thermal Dryer* ini bersaiz 12 kaki x 12 kaki x 12 kaki, mempunyai dua unit *chamber* dan mampu memuatkan 250kg bagi setiap unit *chamber*. Penggunaan teknologi ini mampu menghasilkan proses pengeringan yang lebih bersih dan cepat (4-6 jam), tidak memerlukan kawasan yang luas serta menjimatkan kos tenaga elektrik sehingga 80%. Penggunaan teknologi pengeringan ini juga dapat memastikan pengeringan dan pengeluaran produk hasil perikanan dapat dilaksanakan walaupun pada musim hujan.